

**Satim salahkan MB gagal pantau Yayasan S'gor
Malaysiakini.com
March 29, 2011**

Ketua Pembangkang Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor Datuk Mohd Satim Diman hari ini menyalahkan Menteri Besar Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim atas kegagalannya memantau pentadbiran Yayasan Selangor (YS) yang dilaporkan mengalami defisit jutaan ringgit sehingga November tahun lepas.

Beliau berkata ini kerana Abdul Khalid selaku pengerusi YS didapati meluluskan bayaran bonus kepada Anggota Lembaga Pemegang Amanah yayasan itu melalui 'Circular Resolusi' sebanyak RM5,000 setiap seorang termasuk beliau sendiri, meskipun mengikut perlembagaan YS, mereka tidak boleh menerima bonus.

"Mengikut 'Circular Resolusi' yayasan, hanya pegawai yang genap berkhidmat setahun di YS berhak dapat bonus, tetapi pengurus besar dan timbalannya yang baru berkhidmat lapan bulan telah dapat bonus dua bulan gaji (tanpa merujuk kepada pihak berkuasa negeri untuk kelulusan).

"Mengapa YAB (Abdul Khalid) sendiri cuai dan tidak menjadi contoh kepimpinan yang baik," katanya ketika membahaskan usul menjunjung kasih titah ucapan Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah pada sidang DUN ke-12 hari ini.

Menurut laporan audit dalaman oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, YS dilaporkan mengalami defisit RM7.41 juta sehingga November lepas.

Laporan audit itu menyebut, perbelanjaan yang tidak telus, tidak berhemah dan tidak munasabah menyebabkan kos perbelanjaan Ulang Tahun ke-40 yayasan itu mencecah RM996,472 malah terdapat perbelanjaan yang selesai dibayar kepada pengurus acara walaupun aktiviti belum dilaksanakan.

Abdul Khalid bagaimanapun mempertikaikan kandungan laporan audit itu dan berkata yayasan itu hanya mengalami defisit RM3.9 juta mengikut penyata pendapatan dan perbelanjaan YS bagi tahun 2005 hingga 2010.

Sementara itu, Satim yang juga Anggota Dewan Undangan Negeri Seri Serdang, turut menyelar Abdul Khalid berhubung hasratnya sebelum ini untuk membahagikan mesyuarat mingguan exco kerajaan negeri kepada dua, dengan satu segmen hanya dihadiri anggota exco sahaja.

"Adakah Abdul Khalid hendak menyorokkan sesuatu daripada pengetahuan Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Mohamad Khusrin Munawi (dengan membahagikan mesyuarat exco kepada dua).

"Ini jelas menunjukkan prinsip ketelusan yang digembar-gemburkan Abdul Khalid adalah untuk kepentingan dirinya sendiri dan bukan untuk rakyat," katanya.

- Bernama

Source : <http://www.malaysiakini.com/news/160030>